



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/1/2020	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

Oleh Dziyaul Afnan  
Abdul Rahman  
am@hmetro.com.my

## Kangar

**B**au busuk dan bunyi dengusan membawa kepada pembongkaran aktiviti penyeludupan 154 ular tedung senduk di sebuah kebun di Kampung Kolam di Padang Besar, kelmarin.

Komander Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksm) Perlis, Deputy Superintendan Rodzi Abu Hassan berkata, dalam kejadian 6 petang itu, reptilia berkenaan ditemui di dalam 22 karung guni.

Beliau berkata, reptilia itu ditemui orang awam yang terhidu bau busuk ketika melalui kawasan berkenaan selain bunyi dengusan yang kuat seakan ular kelaparan.

"Kami percaya ular itu akan diseludup ke negara jiran memandangkan permintaan dagingnya yang tinggi terutama di musim Tahun Baru Cina.

"Malah kedudukan guni ular yang tidak jauh dari

# 'Standby' nak seludup keluar

154 ular tedung senduk ditemui dalam 22 karung guni

tembok sempadan Malaysia - Thailand menguatkan lagi bahawa penyeludup sedang menunggu waktu sesuai untuk dicampakkan kepada pelanggan yang menunggu di seberang tembok," katanya pada sidang media di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perlis,

semalam.

Rodzi berkata, setakat ini tiada tangkapan dilakukan namun beliau percaya rampasan itu berjaya

mematahkan aktiviti penyeludupan hidupan liar

terancang.

"Mengikut maklumat, harga sekilogram ular tedung senduk di Thailand antara RM300 ke RM500.

"Malah, ekstrak dagingnya sering digunakan sebagai bahan utama dalam pembuatan produk kesihatan menjadikan ia begitu popular dalam kalangan penggemar haiwan eksotik," katanya.

Beliau berkata, ular berkenaan diserahkan kepada Perhilitan untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 60, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 716, 2010.

“  
Rampasan berjaya patahkan aktiviti penyeludupan hidupan liar terancang  
Rodzi



RODZI (kanan) menunjukkan ular tedung senduk dalam 22 karung guni yang ditemui.